BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.

Kandungan

MS 5	Sorotan Penting
MS 7	Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
MS 11	Perkembangan Ekonomi Malaysia
MS 23	Rencana: Memahami Deflasi
MS 33	Perkembangan Monetari dan Kewangan
MS 39	Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia
MS 41	Tinjauan Makroekonomi
MS 43	Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan: S3 2020

Penguncupan kecil, dengan peningkatan ketara dalam kegiatan ekonomi

Inflasi keseluruhan kurang negatif berikutan peningkatan harga bahan api



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pemulihan yang berterusan pada suku ketiga

Walaupun PKPB yang sedang dilaksanakan boleh menjejaskan momentum pemulihan, kesannya dijangka lebih sederhana berbanding dengan PKP sebelum ini



Sumber: Jabatan Perangkaan, IHS Markit, Tenaga Nasional Berhad, dan Bank Negara Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN

- Ekonomi global mula pulih pada suku ketiga tahun 2020.
- Eksport serantau meningkat semula.
- Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi.

Pertumbuhan global mula pulih

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi global mula pulih pada suku ketiga tahun 2020. Berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan COVID-19 di kebanyakan ekonomi maju *(advanced economies)* dan pasaran baru muncul *(emerging market economies)*, penyambungan semula aktiviti pengeluaran dan perdagangan telah mencetuskan pemulihan keadaan pasaran pekerja dan seterusnya perbelanjaan sektor swasta.

Di AS, penggunaan swasta telah meningkat semula selepas keadaan pekerja pulih lebih pantas daripada jangkaan. Kegiatan ekonomi di kawasan euro bertambah baik didorong oleh peningkatan semula pengeluaran perkilangan dan eksport, manakala aktiviti perkhidmatan masih belum pulih. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun yang utama, kelemahan pasaran pekerja dan eksport yang berterusan telah menyebabkan kegiatan ekonomi meningkat dengan lebih lembab.

Peningkatan semula eksport serantau

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

RR China mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.9% pada suku ketiga (S2 2020: 3.2%). Aktiviti perindustrian dan sokongan kerajaan dalam bentuk pelaburan awam merupakan pemacu utama pertumbuhan. Tambahan pula, kesan pelaksanaan ketat bagi menghindari penularan wabak COVID-19 di dalam negeri telah mendorong kepada penyambungan semula aktiviti sektor swasta dengan permintaan pengguna telah meningkatkan pertumbuhan pada suku ketiga.

Pelonggaran langkah-langkah pembendungan telah menyebabkan peningkatan prestasi eksport serantau. RR China mencatatkan pertumbuhan eksport yang sangat kukuh. Hal ini menyokong pemulihan rantaian nilai pengeluaran serantau secara meluas dengan Singapura, Hong Kong SAR dan China Taipei turut mengalami peningkatan dalam eksport. Walaupun masih menguncup, eksport Indonesia, Korea, Thailand dan Filipina menunjukkan trend yang meningkat.

Volatiliti pasaran kewangan terus meningkat

Rajah 3: VIX CBOE



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan mencapai tahap tertinggi pada 16 Mac 2020 apabila kebanyakan ekonomi utama melaksanakan langkah-langkah pembendungan COVID-19. Walaupun volatiliti berkurang pada akhir suku kedua apabila langkah-langkah ini dilonggarkan dan beberapa bank pusat utama melaksanakan pelonggaran dasar monetari pada skala yang belum pernah dilakukan sebelum ini, volatiliti kekal tinggi pada suku ketiga (purata: 25.8; purata S2 2020: 34.5; purata S4 2019: 14.0) dan mula meningkat pada akhir suku itu. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan semula kes COVID-19 merentas ekonomi utama khususnya di AS dan Eropah.

Harga minyak mentah Brent meningkat kepada purata USD43 setong pada suku ketiga (purata S2 2020: USD33 setong). Peningkatan ini disokong oleh pemulihan permintaan minyak dunia secara beransur-ansur apabila langkah sekatan pergerakan dilonggarkan secara berperingkat. Kenaikan harga minyak turut disokong oleh pengurangan pengeluaran oleh OPEC+ sejak 1 Mei 2020 dan penurunan pengeluaran minyak di AS.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN

- Ekonomi Malaysia mencatatkan penguncupan kecil sebanyak 2.7%.
- Inflasi keseluruhan negatif, manakala inflasi teras menjadi sederhana sedikit.
- Lebihan akaun semasa lebih tinggi sebanyak RM26.1 bilion atau 7.1% daripada KDNK.

Pemulihan pertumbuhan pada S3 2020

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selaras dengan pembukaan semula ekonomi selepas langkah-langkah yang diambil sebelum ini untuk membendung wabak COVID-19 dan keadaan permintaan luar negeri yang semakin baik, ekonomi Malaysia mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 2.7% pada suku ketiga. Pemulihan ini merentas kebanyakan sektor ekonomi, terutamanya sektor perkilangan yang berubah menjadi positif disebabkan oleh aktiviti pengeluaran barangan E&E yang kukuh. Dari segi perbelanjaan, permintaan dalam negeri menguncup pada kadar yang lebih perlahan, manakala eksport bersih kembali pulih. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi bertambah baik dengan mencatatkan pengembangan sebanyak 18.2% (S2 2020: -16.5%).

Pertumbuhan bertambah baik merentas kebanyakan sektor ekonomi didorong terutamanya oleh sektor perkilangan

Rajah 5: Pertumbuhan Mengikut Sektor Ekonomi



Rajah 6: Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang bertambah baik dicatatkan merentas kebanyakan sektor ekonomi apabila Malaysia beralih daripada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Aktiviti dalam sektor perkhidmatan pulih dengan ketara, dengan pertumbuhan menguncup pada kadar yang lebih kecil sebanyak 4.0% (S2 2020: -16.2%). Subsektor perdagangan borong dan runcit menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan jualan meningkat dengan pantas dalam segmen kenderaan bermotor berikutan pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST), serta prestasi yang lebih baik dalam segmen perdagangan runcit yang disokong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk barangan keperluan. Walau bagaimanapun, pemulihan ini terjejas akibat perbelanjaan yang lembap untuk barangan runcit bukan keperluan seperti barangan tahan lama dan aktiviti riadah. Selain itu, aktiviti pelancongan kekal lemah disebabkan oleh penutupan sempadan antarabangsa yang berterusan, lantas menjejaskan subsektor utama seperti makanan dan minuman, dan penginapan serta pengangkutan dan penyimpanan. Namun demikian, pelonggaran sekatan pergerakan membolehkan penyambungan semula aktiviti perjalanan dalam negeri, dan memudahkan pemulihan awal aktiviti dalam subsektor-subsektor ini. Sementara itu, subsektor kewangan dan insurans mencatatkan pertumbuhan positif, disokong oleh aktiviti pasaran modal yang lebih tinggi, terutamanya daripada peserta runcit tempatan, serta faedah bersih dan pendapatan fi yang lebih tinggi. Di samping itu, pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi terus meningkat dalam keadaan permintaan untuk perkhidmatan data komunikasi yang lebih tinggi, terutamanya didorong oleh peningkatan pengaturan bekerja dari jarak jauh.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan kembali pulih kepada 3.3% (S2 2020: -18.3%), disokong oleh peningkatan yang menyeluruh dalam semua kelompok perkilangan utama. Dalam kelompok E&E, pertumbuhan kembali pulih dengan kukuh apabila pengeluaran meningkat bagi memenuhi pesanan yang tertunggak daripada suku tahunan sebelumnya, di samping memenuhi aktiviti yang dibuat lebih awal dalam keadaan kebimbangan mengenai ketegangan perdagangan yang semakin meningkat. Pertumbuhan dalam subsektor berkaitan pengguna turut berubah menjadi positif apabila langkah yang diambil oleh Kerajaan, seperti pengecualian duti eksport dan cukai jualan kereta, masing-masing menyokong pengeluaran minyak sawit ditapis dan kenderaan penumpang bermotor. Sementara itu, kelompok primer yang bertukar arah didorong terutamanya oleh permintaan yang kukuh untuk produk getah dan farmaseutikal. Meskipun perkilangan dalam kelompok berkaitan pembinaan terus mencatatkan pertumbuhan negatif, namun penguncupan berkurang apabila aktiviti pembinaan disambung semula selepas tempoh PKP.

Penguncupan pertumbuhan dalam sektor perlombongan menurun dengan ketara (-6.8%; S2 2020: -20.0%) apabila pengeluaran minyak dan gas asli meningkat berikutan pemulihan dalam permintaan luar negeri secara beransur-ansur. Peningkatan ini turut disokong oleh pemulihan dalam segmen perlombongan yang lain apabila pengeluaran disambung semula selepas tempoh PKP.

Aktiviti dalam sektor pembinaan bertambah baik dan menguncup pada kadar yang lebih kecil, iaitu sebanyak 12.4% (S2 2020: -44.5%). Aktiviti dalam semua subsektor disambung semula, disokong oleh projek pengangkutan yang besar dalam subsektor kejuruteraan awam yang sedang dilaksanakan dan projek perumahan mampu milik dalam subsektor kediaman.

Sektor pertanian mencatatkan penguncupan sebanyak 0.7% (S2 2020: 1.0%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam subsektor minyak sawit berikutan kekurangan tenaga kerja. Hal ini seterusnya menjejaskan aktiviti penuaian pada suku ketiga. Keadaan ini lebih daripada mengimbangi pemulihan dalam subsektor pertanian yang lain, seperti akuakultur, ternakan dan subsektor pertanian lain apabila permintaan pulih secara beransur-ansur.

Permintaan dalam negeri dan luar negeri pulih

Rajah 7: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 3.3% pada suku ketiga tahun 2020 (S2 2020: -18.7%), didorong oleh peningkatan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan. Perbelanjaan isi rumah disokong terutamanya oleh keadaan pendapatan yang pulih secara beransur-ansur, manakala aktiviti pelaburan mendapat manfaat daripada langkah pembendungan yang dilonggarkan. Eksport bersih kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 21.9% (S2 2020: -38.6%), didorong oleh peningkatan eksport yang lebih besar berbanding dengan import.

Penggunaan swasta pulih dengan ketara daripada paras terendah pada suku kedua untuk mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 2.1% (S2 2020: -18.5%). Perbelanjaan isi rumah bertambah baik dengan pelonggaran sekatan pergerakan, manakala keadaan pendapatan secara keseluruhannya beransur-ansur pulih dalam keadaan penyambungan semula aktiviti ekonomi. Pemulihan dalam perbelanjaan ini dicerminkan oleh trend menaik dalam kebanyakan data runcit dan pembiayaan pada suku ketiga. Aktiviti penggunaan swasta turut disokong oleh langkah-langkah rangsangan seperti pengeluaran i-Lestari KWSP, subsidi upah dan pengurangan cukai jualan untuk kereta.

Penggunaan awam mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6.9% (S2 2020: 2.3%), mendapat manfaat daripada perbelanjaan Kerajaan yang meningkat untuk bekalan dan perkhidmatan, serta pengembangan emolumen yang lebih cepat.

Penguncupan lebih kecil dalam aktiviti pelaburan

Rajah 8: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 11.6% (S2 2020: -28.9%), disokong oleh peningkatan dalam pelaburan sektor awam dan sektor swasta. Dari segi jenis aset, pelaburan dalam struktur mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 12.9% (S2 2020: -41.2%), manakala pelaburan untuk jentera dan kelengkapan (machinery & equipment, M&E) secara relatif kekal lemah (-8.3%; S2 2020: -11.1%). Khususnya, pelaburan dalam struktur mendapat manfaat daripada penyambungan semula aktiviti pembinaan susulan penamatan sekatan pergerakan secara beransur-ansur.

Pelaburan swasta menurun sebanyak 9.3%, iaitu lebih baik berbanding dengan paras terendah pada suku kedua tahun 2020 (-26.4%), disokong terutamanya oleh penyambungan semula aktiviti pembinaan apabila ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur. Selain itu, pertumbuhan turut didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor E&E dan sektor berkaitan penjagaan kesihatan yang disokong oleh peningkatan permintaan dalam keadaan norma baharu.

Begitu juga, pelaburan awam mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 18.6% (S2 2020: -38.7%). Keadaan ini mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan modal oleh kerajaan am.

Inflasi keseluruhan mencatatkan kadar negatif yang lebih kecil berikutan kenaikan harga bahan api

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen



*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai pengunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatatkan kadar negatif yang lebih kecil pada -1.4% pada suku ini (S2 2020: -2.6%). Keadaan ini mencerminkan terutamanya harga runcit bahan api dalam negeri yang lebih tinggi (harga purata minyak RON95 seliter pada S3 2020: RM1.68; S2 2020: RM1.37), selaras dengan pemulihan dalam harga minyak dunia. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan kekal negatif kerana harga bahan api terus berada di paras yang sangat rendah di bawah paras pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Rajah 10: Perubahan Bulan ke Bulan dalam Harga Barangan IHP*



*Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Tekanan menurun yang menyeluruh terhadap harga adalah terkawal pada suku ini, seperti yang dicerminkan oleh terhadnya bahagian barangan IHP yang mencatatkan penurunan harga (Purata S3 2020: 15%; Purata tahun 2010-2019: 21%; Purata bulan April dan Mei 2020: 24%).

Inflasi teras menjadi sederhana sedikit kepada 1.0% (S2 2020: 1.2%) disebabkan terutamanya oleh inflasi sewa dan penginapan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, penurunan ini diimbangi sebahagiannya oleh inflasi yang lebih tinggi bagi beberapa kategori lain seperti makanan di luar rumah dan perkhidmatan hias diri *(grooming services)*.

Keadaan pasaran pekerja beransur pulih

Rajah 11: Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah



Nota: Kadar pertumbuhan upah sektor swasta merujuk kepada kadar pertumbuhan upah pekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Rajah 12: Tuntutan Pengangguran dan Kadar Penempatan



Nota: Tuntutan pengangguran merujuk kepada bilangan penganggur yang memohon elaun dan faedah yang disediakan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kadar penempatan pekerjaan merujuk kepada bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang diberhentikan kerja.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Sistem Insurans Pekerjaan, dan Pertubuhan Keselamatan Sosial

Keadaan pasaran pekerja pulih secara beransur-ansur, selaras dengan pemulihan dalam kegiatan ekonomi pada suku ketiga. Kadar pertumbuhan guna tenaga mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 0.4% (S2 2020: -1.3%). Perkembangan ini disokong oleh aktiviti pengambilan semula pekerja yang positif berikutan keadaan permintaan kembali ke paras wajar. Kehilangan pekerjaan yang lebih rendah dicatatkan pada suku ketiga (33,309 orang; S2 2020: 34,806 orang), apabila kadar penempatan pekerja dalam pekerjaan baharu meningkat kepada 22 orang bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja (S2 2020: 9)[1]. Hasilnya, kadar pengangguran menurun kepada 4.7% (S2 2020: 5.1% daripada tenaga pekerja).

Meskipun kekal negatif, kadar pertumbuhan upah sektor swasta mencatatkan penurunan yang lebih kecil (-2.6%; S2 2020: -5.6%). Kadar upah untuk sektor perkhidmatan swasta mencatatkan penguncupan lebih kecil sebanyak 2.5% (S2 2020: -6.4%). Peningkatan ini didorong oleh subsektor perkhidmatan berkaitan pelancongan seperti perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan; pengangkutan dan penyimpanan; serta kesihatan, pendidikan, seni dan hiburan. Dalam sektor perkilangan, kadar upah mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 2.7% (S2 2020: -4.0%), disebabkan oleh kelompok E&E, kelompok keluaran berkaitan sumber dan kelompok berkaitan pembinaan. Pada suku ketiga, meskipun terdapat peningkatan dalam pertumbuhan sektor perkilangan dan prestasi IPI yang positif, majikan masih berhati-hati dalam menaikkan kadar upah disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi yang berterusan.

[1] Jumlah orang yang kehilangan pekerjaan diwakili oleh jumlah orang yang memohon bantuan daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan pemberhentian kerja. Kadar penempatan pekerjaan merujuk jumlah orang yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu di bawah program EIS bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja. Oleh itu, kadar penempatan pekerjaan menunjukkan kadar pengambilan pekerja yang relatif dengan aktiviti pemberhentian pekerja.

Aktiviti perdagangan meningkat berikutan permintaan luar negeri dan aktiviti perkilangan dalam negeri yang lebih tinggi

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Produk dan Pasaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku ketiga, eksport kasar kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.4% (S2 2020: -15.1%), disebabkan terutamanya oleh pemulihan dalam eksport perkilangan. Import kasar mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 6.3% (S2 2020: -15.1%) disebabkan oleh penurunan yang lebih kecil dalam import barangan pengantara dan peningkatan semula import penggunaan. Imbangan perdagangan meningkat kepada RM60.4 bilion (S2 2020: RM27.6 bilion), iaitu lebihan suku tahunan paling besar yang dicatatkan.

Prestasi eksport Malaysia disokong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada rakan perdagangan utama. Eksport perkilangan berubah menjadi positif (6.8%; S2 2020: -12.6%), didorong oleh eksport barangan E&E yang lebih tinggi dan penurunan yang lebih kecil bagi eksport barangan bukan E&E. Eksport barangan E&E kembali pulih (16.0%; S2 2020: -9.5%) mencerminkan eksport yang lebih tinggi kepada rakan perdagangan utama, termasuklah RR China, AS dan Singapura. Hal ini juga mencerminkan permintaan yang kukuh untuk peralatan kerja dari rumah, pelayan komputer dan peralatan perubatan. Eksport barangan E&E sebahagiannya turut disokong oleh syarikat yang memenuhi pesanan tertunggak ekoran daripada pelonggaran sekatan pada bulan Jun. Eksport barangan bukan E&E merosot pada kadar yang lebih perlahan (-0.7%; S2 2020: -15.1%) disebabkan terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan getah, kelengkapan optikal dan saintifik serta barangan besi dan keluli. Eksport komoditi mencatatkan penguncupan yang lebih kecil (-7.2%; S2 2020: -26.4%) disebabkan oleh peningkatan yang menyeluruh dalam volum eksport.

Import barangan pengantara juga mencatatkan penurunan yang lebih kecil pada suku ketiga (-13.6%; S2 2020: -23.4%) disebabkan oleh import bekalan industri serta bahan api dan pelincir yang lebih tinggi berikutan pemulihan dalam aktiviti perkilangan. Import penggunaan meningkat sebanyak 4.6% (S2 2020: -9.5%), didorong terutamanya oleh import barangan pengguna tahan lama yang lebih tinggi. Sementara itu, import modal merosot sebanyak 12.6% (S2 2020: 14.9%) disebabkan terutamanya oleh import barangan mesin dan alat kelengkapan pengangkutan yang lebih rendah.

[2] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 (6th Edition of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Lebihan akaun semasa lebih tinggi

Rajah 14: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun semasa dalam imbangan pembayaran mencatatkan lebihan sebanyak RM26.1 bilion atau 7.1% daripada KDNK pada suku ketiga tahun 2020 (S2 2020: RM7.6 bilion atau 2.5% daripada KDNK), disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih tinggi dan baki pendapatan sekunder yang positif.

Lebihan barangan meningkat kepada RM41.5 bilion (S2 2020: RM25.9 bilion), apabila eksport meningkat pada kadar yang lebih cepat berbanding dengan import. Dalam akaun perkhidmatan, defisit meningkat kepada RM13.3 bilion (S2 2020: -RM12.5 bilion) disebabkan terutamanya oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pengangkutan. Keadaan ini selaras dengan aktiviti perdagangan yang lebih tinggi pada suku ketiga tahun 2020. Akaun perjalanan masih dalam kedudukan defisit (-RM3.5 bilion; S2 2020: -RM3.1 bilion) disebabkan oleh sekatan perjalanan yang dikekalkan.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM9.2 bilion (S2 2020: -RM4.0 bilion). Keadaan ini mencerminkan terutamanya penerimaan pendapatan pelaburan yang lebih rendah dari luar negeri.

Akaun pendapatan sekunder mencatatkan lebihan sebanyak RM7.1 bilion (S2 2020: -RM1.9 bilion). Lebihan ini disebabkan oleh pindahan yang diterima sebagai sebahagian daripada penyelesaian yang berkaitan dengan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Keadaan ini lebih daripada mengimbangi pengiriman wang keluar oleh pekerja asing yang lebih tinggi berikutan peningkatan kegiatan ekonomi pada suku ketiga.

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih

Rajah 15: Aliran Pelaburan Langsung Mengikut Sektor (S3 2020)



Rajah 16: Pelaburan Portfolio



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM35.2 bilion (S2 2020: -RM19.8 bilion), mencerminkan aliran keluar daripada semua akaun, terutamanya akaun pelaburan portfolio dan pelaburan lain.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM3.1 bilion (S2 2020: -RM1.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih pelaburan langsung asing (FDI) yang kecil dalam keadaan aliran keluar pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang lebih rendah. Aliran keluar bersih FDI berjumlah RM0.8 bilion (S2 2020: +RM2.2 bilion), iaitu aliran keluar FDI pertama yang dicatatkan sejak S4 2009, didorong oleh aliran keluar daripada instrumen hutang (S3 2020: -RM9.4 bilion; S2 2020: +RM1.1 bilion). Aliran keluar ini mencerminkan pemberian pinjaman dan bayaran balik pinjaman berjadual antara syarikat, yang lazim bagi operasi syarikat multinasional. Hal ini turut mencerminkan pemberian kredit dagangan oleh syarikat pemberian kredit dagangan oleh syarikat perkilangan, sejajar dengan eksport yang kukuh, khususnya dalam sektor E&E. Aliran keluar daripada instrumen hutang sebahagiannya diimbangi oleh perolehan tertahan yang lebih tinggi (S3 2020: +RM4.8 bilion; S2 2020: -RM2.2 bilion), terutamanya oleh syarikat FDI dalam sektor perkilangan dan suntikan modal ekuiti yang berterusan ke Malaysia (S3 2020: RM3.8 bilion; S2 2020: RM3.4 bilion). DIA mencatatkan aliran keluar sebanyak RM2.2 bilion pada suku ketiga (S2 2020: -RM3.5 bilion). Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke dalam subsektor perkhidmatan kewangan dan sektor perkilangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang ketara sebanyak RM23.1 bilion (S2 2020: +RM22.2 bilion), berikutan pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri yang lebih besar sebanyak RM20.7 bilion (S2 2020: -RM2.0 bilion) dan aliran keluar pelaburan portfolio bukan pemastautin yang lebih kecil sebanyak RM2.4 bilion (S2 2020: +RM24.3 bilion). Pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri didorong oleh pemerolehan sekuriti ekuiti dan hutang oleh pelabur institusi. Aliran keluar pelaburan portfolio bukan pemastautin mencerminkan pencairan sekuriti ekuiti domestik yang berterusan (-RM6.9 bilion; S2 2020: -RM8.9 bilion), yang sebahagiannya diimbangi oleh aliran masuk dalam sekuriti hutang (+RM4.5 bilion; S2 2020: -RM33.1 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM8.5 bilion (S2 2020: -RM41.3 bilion). Aliran keluar ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih pinjaman antara bank. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah +RM7.7 bilion pada suku ketiga, atau sebanyak +1.7% daripada jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri yang lebih rendah

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih*: -RM49.6 bilion



*Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran.
**Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan liabiliti hutang lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM953.3 bilion, atau 66.5% daripada KDNK pada akhir bulan September 2020 (akhir bulan Jun 2020: RM1,003 bilion atau 69.3% daripada KDNK). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih peminjaman antara bank dan kesan penilaian berikutan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang asing utama dan serantau terpilih pada suku ketiga tahun 2020. Penurunan ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan pegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh bukan pemastautin.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matangnya. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM315.4 bilion dan mencakupi 33.1% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir Jun 2020: 30.4%). Hutang ini sebahagian besarnya adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin dan deposit dalam denominasi ringgit dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti tersebut tidak tertakluk pada perubahan penilaian yang mungkin timbul akibat turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY) mencakupi baki RM638 bilion, atau 66.9% daripada jumlah hutang luar negeri. Daripada jumlah ini, sebanyak 50.9% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY dicakupi oleh sektor korporat dan tertakluk terutamanya dengan keperluan kehematan dan lindung nilai. Sebanyak 27.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY adalah dalam bentuk bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat mencakupi 15.0% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi, seperti tanpa jadual bayaran balik yang tetap atau dengan kadar faedah yang rendah.

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



*Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 35.2% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Peminjaman antara bank yang lebih rendah pada suku ketiga sebahagian besarnya didorong oleh transaksi peminjaman dan pemberian pinjaman antara kumpulan/cawangan yang matang. Transaksi tersebut dilakukan secara berturut-turut oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Beberapa bank domestik juga mendapat manfaat daripada deposit FCY domestik yang lebih tinggi, lantas mengurangkan keperluan terhadap pendanaan antara bank daripada bukan pemastautin. Kira-kira 80.5% daripada peminjaman antara bank adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang pada amnya stabil dan seterusnya mengehadkan risiko pelanjutan yang ditanggung oleh bank. Sementara itu, risiko mata wang asing, yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY[3], kekal rendah pada 4.6% daripada jumlah modal bank (akhir bulan Jun 2020: 4.9%).

Dari segi tempoh matang, 61.2% daripada jumlah hutang luar negeri lebih cenderung kepada tempoh jangka sederhana hingga panjang (akhir Jun 2020: 58.7%), yang menunjukkan risiko pelanjutan yang rendah. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 38.8% daripada jumlah hutang luar negeri. Daripada jumlah ini, 44.8% merupakan peminjaman antara kumpulan dalam kalangan bank dan syarikat, yang pada amnya stabil dan pada kadar konsesi. Kira-kira 13% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 30 Oktober 2020, rizab antarabangsa berjumlah USD104.6 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh, dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[3] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau panjang bagi semua mata wang di seluruh industri perbankan.

Rencana

Memahami Deflasi
oleh Sharmila Devadas

Sorotan

- Deflasi merupakan penurunan harga yang berterusan dan meluas serta berbeza daripada tempoh inflasi negatif yang sementara.
- Risiko persekitaran deflasi perlu dinilai dalam konteks sama ada terdapat tanda penurunan harga yang berterusan dan meluas, jangkaan inflasi yang semakin menurun, dan hubungan negatif dalam ekonomi yang melibatkan hutang, harga aset, pengantaraan kredit dan pengeluaran yang memberikan kesan ke atas inflasi.
- Episod inflasi negatif yang berlaku di Malaysia pada hari ini didorong oleh penurunan inflasi bahan api, yang turut dialami oleh beberapa negara lain. Penurunan harga adalah tidak menyeluruh manakala jangkaan inflasi masih tegar.

Pengenalan

Dalam keadaan pandemik Covid-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini, ketidakpastian yang sangat tinggi masih wujud mengenai prospek inflasi global pada jangka sederhana. Trajektorinya akan bergantung pada kekukuhan permintaan, gangguan bekalan yang menjejaskan kos pengeluaran serta kredibiliti dan keberkesanan dasar yang akan mempengaruhi jangkaan inflasi (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2020). Harga minyak dunia telah pulih sejak beberapa bulan yang lalu, namun kekal lebih rendah daripada tahun lepas. Seiring dengan ketiadaan permintaan yang kukuh dan pasaran pekerja yang lemah, inflasi global terus sederhana dan berada pada paras lebih rendah daripada sebelum pandemik. Inflasi global dijangka kekal positif pada masa hadapan tetapi lembap dalam ekonomi maju, manakala dalam pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi sedang membangun, inflasi berada di bawah paras purata.[1] Kawasan euro dan beberapa buah negara lain termasuk Australia, Malaysia, Singapura dan Thailand telah mengalami inflasi keseluruhan negatif pada beberapa bulan kebelakangan ini. Rencana ini membincangkan makna deflasi dan pertimbangan yang perlu diambil kira melangkaui inflasi keseluruhan negatif untuk menilai risiko persekitaran deflasi yang boleh memberikan kesan buruk. Pertimbangan ini merangkumi sifat dinamik inflasi asas, jangkaan inflasi dan perkembangan dalam persekitaran ekonomi yang lebih luas.

[1] Inflasi dalam ekonomi maju diunjurkan pada 0.8% pada tahun 2020, meningkat kepada 1.6% pada tahun 2021 dan stabil pada 1.9% selepas itu. Inflasi dalam pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi sedang membangun diunjurkan pada 5% pada tahun 2020, 4.7% pada tahun 2021, dan pada kadar 4% selepas itu, iaitu di bawah paras purata tahun 2002-2019 sebanyak 5.8% (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2020).

Inflasi keseluruhan negatif mengikut konteks: Apakah elemen yang membentuk persekitaran deflasi?

Lazimnya, deflasi ditakrifkan sebagai inflasi keseluruhan negatif yang berterusan dan berbeza daripada inflasi yang menjadi sederhana, atau disinflasi, iaitu apabila kadar inflasi menurun tetapi kekal positif. Oleh itu, tempoh sementara inflasi keseluruhan negatif selama satu atau dua suku tahunan bukan merupakan deflasi (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2003). Walau bagaimanapun, perspektif yang lebih menyeluruh dan bermakna perlu mengambil kira sifat kejutan yang mendorong trend inflasi, jangkaan inflasi dan konteks ekonomi yang lebih luas (*European Central Bank*, 2014). Kejutan kepada inflasi mungkin mencerminkan faktor asas permintaan atau penawaran dan kedua-dua faktor ini tidak mempunyai implikasi yang sama. Dengan kejutan permintaan, penurunan harga berlaku serentak dengan pengeluaran yang menurun; manakala dari segi kejutan penawaran, penurunan harga mungkin diiringi dengan peningkatan pengeluaran (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2003). Lihat Rajah 1. Kesan pusingan pertama daripada penurunan harga apabila berlakunya kejutan penawaran boleh dilihat sebagai satu perkara yang tidak memudaratkan, terutama sekali jika keadaan itu mencerminkan faktor sementara dan luaran seperti pergerakan harga komoditi, atau pembaharuan struktur (contohnya, dalam pasaran pekerja dan pasaran produk) yang mungkin memberikan kesan positif kepada permintaan jangka pendek dan jangka sederhana. Walau bagaimanapun, kejutan penawaran boleh juga menimbulkan kebimbangan apabila penurunan harga yang berterusan menyebabkan jangkaan inflasi yang lebih rendah dan kesan pusingan kedua terhadap harga-harga lain dan kadar upah. Sebagai contoh, keadaan ini mungkin berlaku apabila penurunan harga minyak yang berpanjangan memberikan kesan buruk kepada negara pengeksport minyak ataupun berikutan persekitaran ekonomi yang lemah. Kejatuhan sementara paras harga yang didorong oleh harga minyak tidak semestinya dianggap sebagai deflasi (Decressin dan Laxton, 2009).

Rajah 1: Kejutan Permintaan dan Penawaran Agregat



Dari perspektif lain bagi faktor permintaan dan penawaran, penurunan harga berlainan jenis yang memberi kesan berbeza terhadap pengguna dan perniagaan juga perlu dipertimbangkan. Sebagai contoh, harga barangan akhir dan pengantaraan yang diimport yang semakin menurun, termasuklah komoditi, memberi manfaat kepada pengguna dan perniagaan. Walau bagaimanapun, apabila harga akhir pengguna jatuh disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah untuk barangan dan perkhidmatan dalam negeri, ini bermakna bahawa keuntungan perniagaan yang terjejas mungkin turut merosot. Bagi pengguna, mereka akan mendapat manfaat daripada kejatuhan harga dari segi kos sara hidup yang lebih rendah, tetapi mungkin akan terjejas akibat penurunan selanjutnya upah dan guna tenaga. Perniagaan yang mempunyai hutang jangka panjang tetap nominal mengalami nilai hutang benar yang lebih tinggi yang boleh menyumbang kepada kekangan operasi dan pelaburan. Pada masa yang sama, isi rumah yang mengalami penurunan pendapatan akan mengurangkan perbelanjaan mereka. Pengurangan ini menjadi lebih buruk disebabkan oleh kecenderungan yang lebih tinggi untuk mengguna dalam kalangan peminjam (yang mengalami beban membayar balik hutang yang lebih tinggi memandangkan pendapatan yang lebih rendah). Yang penting, tahap kesan yang ditunjukkan di atas bergantung pada sejauh mana penurunan harga berterusan dan meluas (dengan penurunan harga yang sementara dan khusus kepada sektor tertentu dijangka tidak memberikan kesan agregat yang ketara). Penurunan harga yang berterusan dan meluas, jika terus diambil kira dalam jangkaan inflasi, boleh menyebabkan penangguhan penggunaan dan pelaburan. Keadaan ini mungkin mengakibatkan penutupan perniagaan berikutan jangkaan pendapatan yang lebih rendah, seterusnya mengukuhkan inflasi negatif.

Melangkaui penurunan harga yang berterusan dan meluas, serta jangkaan inflasi yang sentiasa berubah, risiko persekitaran deflasi yang mempunyai akibat buruk perlu dinilai dari segi persekitaran ekonomi yang lebih luas. Keadaan ini berlaku apabila kegiatan ekonomi, hutang, harga aset dan pengantaraan kredit berhubung antara satu sama lain dan dengan inflasi dalam kitaran berbalik *(feedback cycle)* (Rajah 2). Hubungan ini boleh dianggap sebagai dinamik deflasi hutang.[2] Dinamik deflasi hutang melibatkan hutang berlebihan yang mengakibatkan kes mungkir dan jualan secara paksa *(distress selling)* yang disebabkan oleh masalah untuk membayar balik hutang, seterusnya menyebabkan penurunan harga aset, dan kegagalan pengantaraan kredit, yang berbalik kepada perbelanjaan yang lebih rendah.[3] Kejatuhan nilai bersih yang disebabkan oleh harga aset yang merosot turut menjejaskan pengantaraan kredit disebabkan kos yang lebih tinggi untuk membezakan antara peminjam yang baik dengan peminjam yang buruk. Hal ini seterusnya mengakibatkan pencatuan kredit atau caj yang lebih tinggi; dan menjejaskan kedudukan kewangan bank apabila berlaku kes mungkir dan bank menuntut cagaran yang telah kehilangan nilainya.[4] Deflasi yang disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah memburukkan lagi kerugian, dan boleh menyebabkan jangkaan deflasi yang seterusnya. Seperti yang dinyatakan oleh Borio, dll. (2015), persoalan sama ada deflasi adalah simptom atau punca kepada suatu keadaan ekonomi akhirnya merupakan persoalan empirikal. Sebagai punca, persoalannya mengenai kekukuhan ketegaran nominal yang menyebabkan deflasi, iaitu menerusi kadar upah nominal, beban hutang, dan paras kadar faedah yang menghampiri julat sifar, dan sama ada jangkaan deflasi adalah kukuh.[5]

---

[2] Deflasi hutang adalah konsep yang diketengahkan oleh Fisher (1933) sebagai teori zaman kemelesetan besar (kemelesetan ekonomi yang berterusan dan mendalam) apabila faktor dominan dalam kitaran yang serius bermula dengan hutang berlebihan yang disusuli oleh deflasi. Selepas itu, Minsky (1982), Bernanke (1983, 1995) dan Koo (2009) turut menekankan peranan penting yang dimainkan oleh kemerosotan nilai bersih dan penguncupan kredit dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang berlarutan.

[3] Fisher (1933) menyatakan bahawa hutang berlebihan bermula dengan kemunculan peluang pelaburan baharu. Wang mudah menyebabkan peminjaman berlebihan kerana ia membenarkan spekulasi berlebihan. Kajian terkini mengenai hutang berlebihan oleh isi rumah menunjukkan bahawa selain daripada ciri kewangan tidak berhemat, hutang berlebihan juga mungkin berlaku akibat peristiwa yang tidak dijangka yang mengubah keadaan pelaksanaan kontrak hutang, contohnya, pengurangan pendapatan atau perbelanjaan yang tidak dijangka.

[4] Lihat Bernanke (1983, 1995).

[5] Lihat Borio, dll. (2015), serta Borio dan Filardo (2004). Dalam sampel yang meliputi 140 tahun dan sehingga 38 ekonomi, Borio dll. (2015) mendapati bahawa kaitan deflasi dengan pertumbuhan pengeluaran adalah lemah dan sebahagian besarnya disebabkan Zaman Kemelesetan Besar. Penulis-penulis ini mendapati kaitan yang lebih kukuh antara penurunan harga aset dengan pertumbuhan pengeluaran. Kesan yang paling buruk terhadap pertumbuhan pengeluaran berpunca daripada hubungan antara penurunan harga harta tanah dengan hutang, manakala hanya sedikit bukti sahaja didapati untuk kos pengeluaran yang timbul daripada hubungan antara deflasi dengan hutang.

Pada tempoh selepas Perang Dunia ke-2, episod deflasi yang melibatkan penurunan harga jarang berlaku kecuali Jepun yang mengalami tempoh deflasi yang berpanjangan mulai tahun 1998. Pengalaman Jepun menunjukkan ciri-ciri dinamik deflasi hutang apabila punca persekitaran deflasi adalah disebabkan oleh kejatuhan harga rumah dan ekuiti yang memuncak pada awal tahun 1990-an. Meskipun terdapat pelbagai pandangan mengenai tafsiran yang tepat tentang keadaan ekonomi teruk yang tidak berubah dan deflasi di Jepun, namun beberapa faktor telah diakui: sektor swasta terlibat dalam proses pembayaran balik hutang selepas pelaburan yang berlebihan sebelumnya; campur tangan dasar monetari (dari segi pengurangan kadar faedah) dan dasar fiskal tidak mencukupi; pengantaraan kredit terjejas akibat hutang lapuk, penstrukturan semula bank yang lambat dijalankan dan amalan pengelasan pinjaman yang tertunggak sebagai pinjaman berbayar *(evergreening);* dan jangkaan inflasi yang tidak dikawal.[6] Selain itu, faktor struktur mungkin turut memainkan peranan, termasuklah ketegaran upah nominal dan demografi.[7]

Rajah 2: Dinamik Deflasi Hutang



* Pengurangan hutang dapat dilakukan melalui pengurangan perbelanjaan, pengumpulan modal atau penjualan aset. Ini boleh melibatkan proses penyesuaianyang tidak teratur ketika di sertai dengan panggilan margin, penjualan aset secara paksa dan penarikan balik kredit yang menghalang pihak tanpa hutang atau kerugian untuk menstabilkan pasaran.

Nota: Disesuaikan dari von Peter (2005).

[6] Amalan pengelasan pinjaman yang tertunggak sebagai pinjaman berbayar *("evergreening")* merujuk penstrukturan semula pemberian pinjaman yang berterusan kepada syarikat yang tidak solven atau syarikat *zombie*, yang menyebabkan peruntukan sumber yang tidak tepat dan menjejaskan pertumbuhan produktiviti.

[7] Lihat, contohnya, Baig (2003), Caballero, dll. (2008), Nishizaki, dll (2013) dan Piazza (2015) untuk perbincangan lanjut mengenai pengalaman Jepun.

Adakah risiko persekitaran deflasi menjadi suatu kebimbangan di Malaysia?

Sejak tiga dekad yang lalu, Malaysia telah mengalami tiga tempoh pendek inflasi keseluruhan negatif, termasuk episod semasa. Penurunan ini mencerminkan perubahan harga yang khusus pada sektor dan bukan penurunan meluas. Keadaan ini disebabkan oleh harga minyak dunia dan perubahan yang didorong oleh dasar bagi barangan dan perkhidmatan yang harganya ditadbir (Jadual 1). Khususnya, inflasi keseluruhan negatif pada tahun ini mencerminkan penurunan harga minyak dunia dan rebat tarif penggunaan elektrik secara bertingkat. Rebat tarif penggunaan elektrik secara bertingkat berkuatkuasa sejak bulan April 2020 sebagai satu langkah bantuan. Di rantau ini, Singapura dan Thailand juga mengalami kadar inflasi keseluruhan negatif sejak kebelakangan ini disebabkan oleh harga minyak dunia yang jatuh mendadak (Rajah 3).[8]

Rajah 3: Inflasi dalam ASEAN-5



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bloomberg

Meskipun terjejas akibat tekanan permintaan yang menjadi sederhana, inflasi asas seperti yang diukur oleh inflasi teras, kekal positif. Purata inflasi teras menyumbang kira-kira 0.9 mata peratusan kepada inflasi keseluruhan antara bulan Mac hingga September 2020, yang diimbangi oleh sumbangan negatif daripada inflasi bahan api dan elektrik (secara purata masing-masing menyumbang kepada -2.1 mata peratusan dan -0.8 mata peratusan). Berbanding dengan tahun 2009, inflasi teras kini lebih lembap, mencerminkan kapasiti semasa yang wujud dalam ekonomi.

Jadual 1: Episod Inflasi Keseluruhan Negatif

Tempoh Inflasi Keseluruhan Negatif	Purata Inflasi Keseluruhan (%)	Pendorong Utama	Purata Inflasi Teras (%)
Bulan Jun – November 2009	-1.7%	• Kesan kumulatif daripada pelbagai pelarasan menurun kepada harga bahan api yang harganya ditadbir sejak separuh kedua tahun 2008 selaras dengan pergerakan harga minyak dunia.	1.9%
Bulan Januari – Februari 2019	-0.5%	• Harga minyak dalam negeri lebih rendah	1.6%
Bulan Mac – September 2020	-1.7%	• Harga minyak global lebih rendah • Rebat tarif penggunaan elektrik secara bertingkat	1.2%

[8] Harga minyak yang tidak menentu memberikan kesan yang lebih ketara terhadap inflasi keseluruhan di Asia, tidak termasuk Jepun, berbanding dengan negara G-3 disebabkan oleh wajaran yang lebih berat bagi komoditi dalam indeks harga pengguna di negara Asia tidak termasuk Jepun (*Monetary Authority of Singapore*, 2020).

Penurunan harga tidak meluas di seluruh kumpulan barangan IHP. Malah, jumlah barangan yang mencatatkan kenaikan suku tahunan terus melebihi barangan yang mencatatkan penurunan. Penurunan harga juga tidak terlalu tinggi berbanding dengan purata jangka panjang atau pengalaman penguncupan pertumbuhan KDNK sebelum ini (Rajah 4, panel (a)). Setakat tahun ini, bahagian penurunan harga adalah lebih tinggi sedikit bagi barangan yang berkaitan dengan perkhidmatan secara purata, mencerminkan sedikit sebanyak kesan sekatan pergerakan bagi kategori dalam kumpulan IHP seperti perkhidmatan penginapan dan sewaan (Rajah 4, panel (b)).[9]

Rajah 4: Keluasan Penurunan Harga



Nota: Berdasarkan perubahan harga daripada satu suku tahunan kepada suku tahunan yang lain, bagi 125 barangan IHP pada 4 digit. Purata jangka panjang tidak termasuk perubahan suku tahunan bagi bulan Jun 2015 dan Jun 2018 yang mencatatkan kesan yang besar daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia.

Dalam kalangan peramal profesional, jangkaan inflasi jangka pendek hingga jangka sederhana telah dikawal dengan baik sebelum ini, dan kekal terkawal pada tahun 2020. Hal ini boleh ditunjukkan oleh paras positif yang diunjurkan untuk tempoh satu dan lima tahun akan datang dan menghampiri kadar purata inflasi jangka panjang, lebih-lebih lagi untuk unjuran jangka yang lebih panjang (Rajah 5, panel (a)). Selain itu, terdapat ketidaktentuan yang rendah bagi inflasi yang dijangka pada masa hadapan (berdasarkan unjuran satu tahun ke depan) dan perbezaan dalam kalangan peramal adalah serupa dengan purata jangka panjang. Hal ini menunjukkan bahawa tidak wujud ketidakpastian yang luar biasa berkaitan dengan inflasi (Rajah 5, panel (b)).[9]

[9] Jangkaan inflasi yang terkawal dengan baik perlu kekal stabil secara relatif pada paras tertentu untuk sesuatu tempoh, dengan hanya percanggahan sedikit dalam kalangan peramal. Deflasi dikaitkan dengan jangkaan inflasi lebih rendah dan jangkaan ini bersifat lebih berpandangan ke belakang. Selain itu, percanggahan unjuran, seperti yang ditunjukkan oleh perbezaan pada keseluruhan unjuran, didapati meningkat dengan paras sebenar inflasi positif dan negatif. Percanggahan unjuran menunjukkan ketidakpastian yang lebih tinggi mengenai inflasi pada masa hadapan yang boleh menjejaskan keputusan pelaburan dan penggunaan swasta dan menyebabkan peruntukan sumber yang tidak cekap (Banerjee dan Mehrotra, 2018).

Rajah 5: Jangkaan Inflasi

(a) Jangkaan Inflasi Jangka Pendek dan Jangka Panjang



(b) Kepelbagaian dalam Jangkaan Inflasi Jangka Pendek



Nota: Tempoh sampel adalah dari tahun 2004 hingga tahun 2020. Inflasi sebenar adalah sama dengan inflasi keseluruhan pada masa unjuran dibuat. (a) Unjuran adalah pada asas separuh tahunan bagi satu dan lima tahun ke hadapan. (b) Unjuran adalah pada asas suku tahunan bagi tahun hadapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Asia Pacific Consensus Forecasts - Surveys of International Economic Forecasts, Consensus Economics Inc.

Elemen utama yang boleh membentuk mekanisme penularan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 dinilai secara aktif sebagai sebahagian daripada pengawasan harian yang dijalankan oleh Bank terhadap ekonomi dan kewangan. Sebagai contoh, sebarang lebihan yang berkaitan dengan aktiviti spekulatif adalah sangat rendah berbanding dengan keadaan sebelum Krisis Kewangan Asia, dan aktiviti spekulatif dalam pasaran rumah telah menjadi lembap sejak beberapa tahun lalu. Penampan modal dan mudah tunai institusi kewangan kekal tinggi. Kedudukan mereka yang kukuh apabila pandemik berlaku membolehkan mereka menyokong langkah bantuan yang besar dan mengekalkan pengantaraan kredit. Meskipun keupayaan membayar balik hutang keseluruhan syarikat bukan kewangan semakin lemah, namun nisbah perlindungan faedah kekal melebihi dua kali pada bulan Jun 2020. Hal ini mencerminkan keadaan kewangan yang agak kukuh sebelum pandemik berlaku. Kebanyakan isi rumah terus berdaya tahan, disokong oleh penampan kewangan yang baik, terutamanya dalam kalangan kumpulan berpendapatan tinggi, dan tahap membayar balik hutang oleh isi rumah yang lazimnya berhemat. Bagi isi rumah yang mudah terjejas, moratorium pinjaman bank menyeluruh yang diperkenalkan pada bulan April 2020, serta bantuan bayaran balik bersasar seterusnya memberikan sedikit kelegaan. Meskipun pasaran perumahan adalah lebih lembap disebabkan oleh keadaan ekonomi yang lebih lemah, langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyokong permintaan terhadap rumah; serta pakej bantuan bersasar akan membantu membendung sebarang peningkatan yang besar dalam kes mungkir bagi pinjaman perumahan.[10] Pertumbuhan ekonomi dijangka terus meningkat, namun ia tertakluk pada risiko pertumbuhan yang lebih rendah yang berkaitan dengan penularan semula pandemik pada peringkat global dan dalam negara. Jika keadaan ini berlaku, risiko ini boleh berbalik ke dalam bidang ekonomi yang lain, termasuk inflasi. Bank terus memantau risiko ini dalam penilaiannya mengenai prospek ekonomi.

[10] Lihat Bank Negara Malaysia (2020) untuk maklumat lanjut mengenai penilaian bagi risiko potensi dan semasa terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan. Di bawah ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank yang telah dikemas kini, institusi perbankan dijangka kekal berdaya tahan terhadap potensi kejutan ekonomi dan kewangan yang masih boleh timbul akibat pandemik.

Kesimpulan

Deflasi merujuk penurunan inflasi keseluruhan yang berterusan. Walau bagaimanapun, penilaian holistik mengenai tekanan deflasi memerlukan pertimbangan mengenai dinamik inflasi asas, jangkaan inflasi dan persekitaran ekonomi yang lebih luas. Dalam hal ini, episod inflasi keseluruhan negatif semasa tidak mencakupi deflasi sepenuhnya kerana inflasi ini hanya mencerminkan terutamanya inflasi bahan api negatif. Penuruan harga adalah tidak meluas secara melampau dan jangkaan inflasi masih terkawal. Meskipun pertumbuhan ekonomi dijangka pulih secara beransur-ansur, namun ia tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah. Bank akan terus berjaga-jaga terhadap dinamik inflasi dan penyebabnya, serta saluran yang mungkin menyebarkan perkembangan yang buruk dalam ekonomi.

Rujukan

Baig, Taimur. 2003. "Understanding the Costs of Deflation in the Japanese Context." IMF Working Paper No. 03/215.

Banerjee, Ryan and Aaron Mehrotra. 2018. "Deflation Expectations." BIS Working Papers No.699. February.

Bank Negara Malaysia. 2020. "Financial Stability Review – First Half 2020."

Bernanke, Ben. 1983. "Nonmonetary Effects of the Financial Crisis in Propagation of the Great Depression." American Economic Review Vol. 73(3): 257-76.

Bernanke, Ben. 1995. "The Macroeconomics of the Great Depression: A Comparative Approach." Journal of Money, Credit, and Banking Vol 27(1): 1-28.

Borio, Claudio, and Andrew Filardo. 2004. "Back to the Future? Assessing the Deflation Record." BIS Working Papers No. 152.

Borio, Claudio, Magdalena Erdem, Andrew Filardo, and Boris Hofmann. 2015. "The Costs of Deflations: A Historical Perspective" BIS Quarterly Review. March.

Caballero Richard. J., Takeo Hoshi, and Anil K. Kashyap. 2008. "Zombie Lending and Depressed Restructuring in Japan." American Economic Review No. 98: 1943-77.

Decressin, Jorg, and Douglas Laxton. 2009, "Gauging Risks for Deflation," IMF Staff Position Paper No. 09/01 (Washington: International Monetary Fund).

European Central Bank. 2014. “Risk of Deflation?” Monthly Bulletin. June.

Fisher, Irving. 1933. “The Debt-Deflation Theory of Great Depressions.” Econometrica Vol. 1(4): 337-57.

International Monetary Fund. 2003 “Deflation: Determinants, Risks, and Policy Options - Findings of an Interdepartmental Task Force.”

International Monetary Fund. 2020. “World Economic Outlook, October 2020 – A Long and Difficult Ascent.”

Koo, Richard. 2009. “The Holy Grail of Macroeconomics: Lessons from Japan’s Great Recession.” Singapore: John Wiley & Sons.

Monetary Authority of Singapore. 2020. “Macroeconomic Review.” Volume XIX Issue 2. October.

Minsky, Hyman P. 1982. “Debt Deflation Processes in Today’s Institutional Environment.” PSL Quarterly Review 35(143).

Nishizaki, Kenji, Toshitaka Sekine, Yuichi Ueno and Yuko Kawai. 2013. “Chronic Deflation in Japan.” BIS Papers No. 70.

Piazza, Roberto. 2015. “Deflation Expectations and Japan’s Lost Decade.” Bank of Italy Occasional Papers No. 274.

von Peter, Goetz. 2005. “Debt-Deflation: Concepts and a Stylised Model.” BIS Working Papers No. 176.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN

- Ringgit menambah nilai, sementara pasaran bon dan ekuiti bertambah baik.
- Kadar faedah terus menurun berikutan pengurangan OPR.
- Pengembangan pembiayaan disokong oleh pinjaman isi rumah.

Keadaan pasaran kewangan domestik terus bertambah baik berikutan meningkatnya kesanggupan pelabur mengambil risiko

Rajah 19: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS



Rajah 20: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Rajah 21: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kesannya, pasaran kewangan serantau termasuk Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang menyeluruh merentas seluruh pasaran aset. Pada suku ketiga, pasaran bon domestik terus mengalami aliran masuk portfolio bukan pemastautin, yang mendorong kepada pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.9%, sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau. Aliran masuk ini sebahagiannya menyumbang kepada penurunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysia Government Securities, MGS) 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun masing-masing sebanyak 25.4, 22.1 dan 20.6 mata asas. Kadar hasil yang lebih rendah ini juga mencerminkan penurunan selanjutnya Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate,* OPR) sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2020.

Walau bagaimanapun, prestasi pasaran ekuiti domestik hanya meningkat sedikit pada suku ketiga. Meskipun pengumuman data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan, terutamanya dari AS dan RR China, telah menyokong kenaikan indeks saham serantau pada awal suku ketiga, pembetulan pasaran ekuiti global pada bulan September telah mempengaruhi indeks ekuiti serantau dan mengimbangi hasil yang diperoleh sebelum ini. Pembetulan itu tercetus daripada kebimbangan terhadap kemungkinan terjadinya peristiwa-peristiwa risiko yang meliputi pelaksanaan semula sekatan pergerakan di Eropah dan kegagalan meluluskan rang undang-undang rangsangan fiskal yang baharu di AS berikutan pertelingkahan politik yang sedang berlaku. Di dalam negeri, pengumuman mengenai pendapatan korporat yang lemah pada suku kedua oleh beberapa syarikat besar di papan utama juga mempengaruhi pasaran ekuiti domestik. Pada akhir bulan September, FBM KLCI meningkat sebanyak 0.3% untuk ditutup pada 1,504.8 mata (akhir bulan Jun: 1,501.0 mata).

Kadar faedah terus menurun berikutan pengurangan OPR pada bulan Julai 2020

Rajah 22: Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg

Kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit menurun pada suku ketiga berikutan pengurangan OPR sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2020. Kesan pindahan pengurangan OPR kepada kadar antara bank adalah menyeluruh dan serta-merta merentas semua tempoh matang, dengan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Interbank Offered Rate*, KLIBOR) menurun sebanyak 25 mata asas meliputi semua tempoh dalam jangka masa satu hari selepas pelarasan OPR. Pada tempoh suku ketiga yang selebihnya, kadar faedah nominal dalam pasaran borong menurun sedikit. Khususnya, KLIBOR 3 bulan menurun sebanyak 6 mata asas kepada 1.97% (S2 2020: 2.28%).

Kesan pindahan daripada pengurangan OPR kepada kadar asas (*base rate*, BR) juga menyeluruh, dengan penurunan BR oleh semua bank sebanyak 25 mata asas, yang menghasilkan purata berwajaran semasa iaitu 2.43% (S2 2020: 2.68%). Susulan itu, kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sebanyak 22 mata asas kepada 4.03% pada bulan September (S2 2020: 4.25%).

Begitu juga, kadar simpanan tetap (*fixed deposit*, FD) nominal menurun pada suku tersebut, bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan, berikutan pengurangan OPR. Kadar FD benar menurun berikutan penurunan kadar nominal dan inflasi yang kurang negatif pada bulan September.

.

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Rajah 23: Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank secara amnya kekal stabil pada suku ketiga. Jumlah mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, hampir semua institusi perbankan terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank.

Pengembangan pembiayaan disokong oleh pinjaman isi rumah

Rajah 24: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada suku ketiga tahun 2020, pembiayaan bersih berkembang sebanyak 4.6% pada asas tahunan (S2 2020: 3.7%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul[5] meningkat pada suku tersebut (4.7%; S2 2020: 4.1%), disokong terutamanya oleh pinjaman isi rumah. Pertumbuhan bon korporat terkumpul[6] (4.3%; S2 2020: 2.5%) juga meningkat pada suku ketiga berikutan terbitan yang besar oleh entiti berkaitan Kerajaan.

Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul meningkat (5.6%; S2 2020: 3.7%), didorong oleh pinjaman yang lebih tinggi untuk pembelian kereta penumpang dan kegunaan peribadi. Pengeluaran pinjaman oleh isi rumah mencatatkan pemulihan yang kukuh pada suku ketiga (RM99.1 bilion; S2 2020: RM57.3 bilion), dengan peningkatan secara menyeluruh merentas semua tujuan pinjaman disebabkan permintaan terhadap pinjaman meningkat berikutan perlaksanaan langkah-langkah rangsangan ekonomi, dan pemulihan keadaan ekonomi di bawah PKPP. Pengeluaran pinjaman baharu bersama-sama dengan penyambungan semula bayaran balik ansuran pinjaman secara beransur-ansur oleh lebih ramai peminjam yang secara sukarela tidak memilih moratorium automatik, telah menyumbang kepada peningkatan dalam bayaran balik pinjaman pada suku ketiga. Hal ini menyebabkan tahap bayaran balik pinjaman pada bulan September mencecah 72%[7] daripada tahap yang dicatatkan pada bulan Mac.

Sementara itu, pinjaman perniagaan terkumpul mencatatkan pertumbuhan yang sederhana (2.9%, S2 2020: 3.9%), disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih perlahan untuk tujuan modal kerja[8]. Memandangkan aktiviti perniagaan telah disambung semula di bawah PKPP, keadaan aliran tunai yang bertambah baik menyebabkan permintaan[9] terhadap pinjaman modal kerja berkurang. Walau bagaimanapun, pengeluaran pinjaman untuk tujuan berkaitan pelaburan mencatatkan pemulihan pada suku tersebut, disokong terutamanya oleh pinjaman untuk pembelian harta tanah bukan kediaman dan pinjaman bernilai besar untuk pembelian aset tetap. Pembayaran balik pinjaman telah kembali pada tahap wajar berbanding dengan tahap yang lemah pada suku sebelumnya, tetapi kekal di bawah tahap yang pernah dicatatkan sebelum ini.

[5] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[6] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[7] Tidak termasuk kad kredit.
[8] Klasifikasi pinjaman mengikut tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan, yang merangkumi 92% daripada pinjaman terkumpul yang diberikan kepada perniagaan.
[9] Ditunjukkan oleh permohonan pinjaman kepada sistem perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN

- MPC menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 1.75% pada mesyuarat bulan Julai 2020 dan seterusnya mengekalkan OPR pada kadar tersebut pada mesyuarat bulan September dan November 2020.
- Secara keseluruhan, OPR telah diturunkan sebanyak 125 mata asas pada tahun 2020.

Penurunan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif pada tahun ini akan terus merangsang ekonomi

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 1.75% pada bulan Julai 2020. Penurunan OPR bertujuan memberikan rangsangan dasar tambahan sebagai lanjutan kepada penurunan OPR pada awal tahun ini sebanyak 100 mata asas secara kumulatif bagi mempercepatkan kadar pemulihan ekonomi. Susulan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur pada awal bulan Mei, kegiatan ekonomi dalam negeri mula pulih daripada paras terendah pada suku kedua tahun 2020.

Pada mesyuarat seterusnya pada bulan September dan November 2020, MPC telah mengekalkan OPR pada 1.75%. Penurunan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif pada tahun ini akan terus merangsang ekonomi. Pada paras semasa OPR, MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif.

MPC menilai bahawa ekonomi global terus pulih dengan penunjuk terkini menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi meningkat dalam kebanyakan ekonomi maju dan serantau, dengan momentum pemulihan yang lebih ketara di RR China. Pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2020 dijangka berada dalam julat unjuran sebelum ini. Bagi tahun 2021, kegiatan ekonomi dalam negeri diunjurkan bertambah baik, didorong oleh permintaan global yang semakin pulih dan perbelanjaan sektor swasta dan awam yang kembali pulih. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi global dan dalam negeri masih tertakluk pada risiko pertumbuhan ekonomi menjadi lebih rendah, berpunca terutamanya daripada ketidakpastian yang berterusan tentang perkembangan pandemik. Dari segi inflasi, sejajar dengan penilaian sebelum ini, purata inflasi keseluruhan dijangka negatif pada tahun 2020 memandangkan harga minyak dunia yang jauh lebih rendah dan berpurata lebih tinggi pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, prospek akan terus dipengaruhi dengan ketara oleh harga minyak dan komoditi dunia. Inflasi asas dijangka kekal rendah dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi.

MPC akan terus menilai keadaan yang sentiasa berubah-ubah dan kesannya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri secara keseluruhan. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Sorotan dasar lain pada suku ketiga 2020

Sorotan dasar	Keperluan penting

Draf Dedahan Perkhidmatan Pemeroleh Saudagar *(Merchant Acquiring Services)*	• Draf dedahan ini diterbitkan pada 17 Julai 2020 untuk menetapkan keperluan yang dicadangkan oleh Bank mengenai pemeroleh saudagar dalam bidang tadbir urus, pengurusan risiko, penyumberan luar dan keselamatan IT.
	• Matlamat draf dedahan ini adalah untuk-
	  • memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan perkhidmatan pemerolehan saudagar yang disediakan oleh pemeroleh saudagar; dan
	  • memelihara keyakinan pengguna dan saudagar untuk menggunakan atau menerima instrumen pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan.

Dokumen Dasar Pelaporan Kewangan bagi Institusi Kewangan Pembangunan	• Dokumen dasar ini diterbitkan pada 28 Julai 2020 untuk memperjelas keperluan minimum berhubung dengan penggunaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia oleh institusi kewangan pembangunan (IKP) yang telah ditetapkan. • Dokumen dasar ini bertujuan untuk memperkukuh penzahiran oleh IKP, menambah baik perbandingan penyata kewangan mereka serta memudahkan pengguna menilai kedudukan kewangan sesebuah IKP dan pencapaian pembangunan atau mandatnya.
Dokumen Dasar Kemudahan Tetap *(Standing Facilities)*	• Dokumen dasar ini menetapkan prosedur operasi untuk mengakses kemudahan tetap yang disediakan oleh Bank dan senarai cagaran yang layak supaya diterima oleh Bank. • Dokumen dasar ini disemak semula pada 30 Julai 2020 untuk memperluas cagaran yang layak untuk operasi kemudahan tetap melalui kemasukkan bon korporat dan sukuk yang mempunyai penarafan domestik minimum pada A3 oleh RAM atau A- oleh MARC.
Draf Dedahan Pengaturan Peralihan bagi Pengolahan Modal Pengawalseliaan untuk Peruntukan Perakaunan bagi Institusi Perbankan dan Institusi Kewangan Pembangunan	• Draf dedahan ini diterbitkan masing-masing pada 25 September dan 30 September 2020. Draf dedahan ini menetapkan pengaturan peralihan yang boleh diterapkan oleh institusi perbankan dan IKP untuk pengolahan peruntukan perakaunan bagi pematuhan modal pengawalseliaan. • Cadangan dalam draf dedahan ini adalah sejajar dengan panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel *(Basel Committee on Banking Supervision)* iaitu *"Regulatory treatment of accounting provisions - interim approach and transitional arrangement"* (Mac 2017). • Institusi perbankan dan IKP yang memilih untuk menerapkan pengaturan peralihan dibenarkan untuk memasukkan kembali sebahagian peruntukan Tahap 1 dan Tahap 2 bagi jangkaan kerugian kredit *(expected credit loss)* kepada Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 untuk tempoh empat tahun daripada tahun kewangan bermula tahun 2020 atau untuk tempoh tiga tahun daripada tahun kewangan bermula tahun 2021.

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN

- Ekonomi global diunjurkan pulih pada tahun 2021, tetapi bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah.
- Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pemulihan.
- Inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi pada tahun 2021.

Pemulihan global yang tidak menentu

Dalam *World Economic Outlook* bulan Oktober, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah membuat semakan semula unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2020 kepada -4.4% (unjuran pada bulan Jun: -4.9%). Semakan semula ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih baik daripada jangkaan, khususnya dalam ekonomi maju, susulan pasaran pekerjanya yang mengalami pemulihan lebih cepat daripada jangkaan.

Bagi tahun 2021, IMF membuat unjuran bahawa ekonomi global akan berkembang sebanyak 5.2%. Namun, prospek ini sangat bergantung pada perkembangan mengenai penyelesaian pandemik COVID-19. Oleh itu, penularan semula kes COVID-19 merentas ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun baru-baru ini telah mewujudkan risiko prospek pertumbuhan menjadi lebih rendah. Beberapa ekonomi utama telah melaksanakan semula langkah-langkah pembendungan dan turut menangguhkan rancangan untuk membuka semula ekonomi. Langkah-langkah ini akan menjejaskan prospek pertumbuhan pada suku keempat tahun 2020 serta momentum pemulihan menjelang tahun 2021. Walaupun tahap pelaksanaan langkah-langkah pembendungan baru-baru ini tidak seketat yang dilaksanakan pada suku kedua, penghindaran risiko yang lebih tinggi akan melemahkan permintaan sektor swasta dan menjejaskan pertumbuhan.

Ekonomi Malaysia berada pada landasan pemulihan setelah berada pada paras terendah pada suku kedua tahun 2020

Pada suku ketiga, ekonomi Malaysia meningkat dengan ketara susulan pelonggaran langkah-langkah pembendungan secara beransur-ansur di seluruh negara, di samping sokongan daripada keadaan permintaan luaran yang lebih baik. Penularan semula kes-kes COVID-19 baru-baru ini dan langkah-langkah pembendungan bersasar di kebanyakan negeri dijangka boleh menjejaskan momentum pertumbuhan pada suku keempat tahun 2020. Walau bagaimanapun, memandangkan kebanyakan sektor ekonomi telah dibenarkan untuk terus beroperasi, iaitu tertakluk pada prosedur operasi standard (SOP) mengikut sektor, kesannya tidak akan seteruk seperti tindakan pembendungan pada tempoh sebelum ini.

Pada tahun 2021, pertumbuhan dijangka semakin pulih dengan memperoleh manfaat daripada permintaan global yang bertambah baik dan limpahan ke sektor-sektor dalam negeri, di samping sokongan dasar yang berterusan, termasuk langkah-langkah rangsangan KITA PRIHATIN dan Belanjawan 2021 yang dilaksanakan baru-baru ini. Pengeluaran yang lebih tinggi daripada fasiliti yang sedia ada dan baharu turut menyumbang kepada pemulihan ini. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan adalah tidak sekata merentas sektor dan beberapa industri dijangka kekal di bawah paras sebelum pandemik dan pasaran pekerja juga dijangka pulih dengan kadar yang lebih perlahan.

Keseimbangan risiko cenderung kepada pertumbuhan yang rendah, disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan wabak COVID-19 di dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, ekonomi boleh mendapat manfaat daripada kesan positif yang lebih besar daripada jangkaan, yang terhasil daripada pelbagai langkah rangsangan, di samping pemulihan ekonomi global yang lebih baik daripada jangkaan.

.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2021 diunjurkan lebih tinggi

Purata inflasi keseluruhan tahunan dijangka negatif pada tahun 2020. Bagi tempoh tahun 2020 selebihnya, inflasi keseluruhan tahunan akan mencerminkan terutamanya sumbangan daripada harga runcit bahan api yang lebih rendah, disebabkan oleh harga minyak dunia yang merosot, serta rebat tarif elektrik berperingkat yang masih dilaksanakan sehingga akhir tahun 2020.

Pada tahun 2021, purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi, disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang diunjurkan lebih tinggi dan luputnya kesan daripada rebat tarif elektrik berperingkat. Inflasi asas dijangka sederhana dalam keadaan lebihan kapasiti dalam ekonomi. Prospek inflasi adalah tertakluk pada ketidakpastian, dengan trajektorinya bergantung terutamanya pada perkembangan harga minyak dan komoditi dunia.

Tambahan

Jadual 1: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2019 %	2019		2020		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan dalam negeri agregat (tidak termasuk stok)	94.0	3.5	4.8	3.7	−18.7	−3.3
Sektor swasta	75.6	5.5	7.4	4.7	−20.5	−3.6
Penggunaan	58.7	7.0	8.1	6.7	−18.5	−2.1
Pelaburan	16.8	0.5	4.3	−2.3	−26.4	−9.3
Sektor awam	18.5	−4.8	−2.3	−0.6	−10.6	−1.6
Penggunaan	12.2	1.0	1.3	5.0	2.3	6.9
Pelaburan	6.3	−14.6	−8.0	−11.3	−38.7	−18.6
Eksport bersih	7.0	12.1	−12.4	−37.0	−38.6	21.9
Eksport barangan dan perkhidmatan	63.7	−2.1	−3.4	−7.1	−21.7	−4.7
Import barangan dan perkhidmatan	56.7	−3.5	−2.4	−2.5	−19.7	−7.8
KDNK benar	100.0	**4.4**	**3.6**	**0.7**	**−17.1**	**−2.7**
KNDK benar (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	**0.8**	**0.6**	**−2.0**	**−16.5**	**18.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2019 %	2019		2020		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Pertumbuhan tahunan, %				
Perkhidmatan	57.7	5.8	6.2	3.1	−16.2	−4.0
Perkilangan	22.3	3.6	3.0	1.5	−18.3	3.3
Perlombongan	7.1	−4.1	−3.4	−2.0	−20.0	−6.8
Pertanian	7.1	4.0	−5.7	−8.7	1.0	−0.7
Pembinaan	4.7	−1.4	1.0	−7.9	−44.5	−12.4
KDNK Benar	100.0[1]	**4.4**	**3.6**	**0.7**	**−17.1**	**−2.7**

[1]Angka-angka mungkin tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: Imbangan Pembayaran[1]

	2019		2020		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	**12.1**	**7.5**	**9.5**	**7.6**	**26.1**
(% daripada KDNK)	3.2	1.9	2.6	2.5	7.1
Barangan	29.4	32.3	28.9	25.9	41.5
Perkhidmatan	−1.8	−4.0	−8.0	−12.5	−13.3
Pendapatan primer	−9.9	−15.2	−6.0	−4.0	−9.2
Pendapatan sekunder	−5.5	−5.5	−5.4	−1.9	7.1
Akaun Kewangan	**−1.5**	**−0.1**	**−13.3**	**−19.8**	**−35.2**
Pelaburan langsung	−3.4	4.4	3.4	−1.2	−3.1
Aset	−5.9	−5.6	−1.8	−1.4	−9.4
Liabiliti	2.5	10.0	5.2	0.2	6.3
Pelaburan portfolio	−23.6	−1.3	−41.3	22.2	−23.1
Aset	−16.9	−12.4	−15.1	−2.0	−20.7
Liabiliti	−6.7	11.0	−26.2	24.3	−2.4
Derivatif kewangan	0.8	−0.6	2.5	0.6	−0.5
Pelaburan lain	24.7	−2.5	22.1	−41.3	−8.5
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	−4.1	−9.9	−4.7	5.9	7.7
Imbangan Keseluruhan	**6.4**	**−2.2**	**−8.7**	**−6.4**	**−1.6**

Aset: (−) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing

[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Setakat S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini diundurkan tarikh hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4: Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2019	2020	
	akhir Sep	akhir Jun	akhir Sep
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	920.7	1,003.0	953.3
Bersamaan dengan USD bilion	*217.7*	*231.7*	*227.0*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	159.4	185.8	173.4
Peminjaman antara bank[1]	204.3	223.9	190.2
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	129.2	135.0	130.6
Pinjaman[1]	70.6	79.6	77.6
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	188.3	196.6	206.4
Deposit bukan pemastautin	90.5	98.8	93.5
Lain-lain[2]	78.4	83.2	81.7
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	527.0	588.4	583.2
Jangka pendek	393.7	414.6	370.1
Denominasi mata wang			
Ringgit	293.9	305.2	315.4
Asing	626.7	697.8	638.0
Jumlah hutang / KDNK (%)	60.9	69.3	66.5
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	42.8	41.3	38.8
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.1	1.1	1.2[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa setakat 30 Oktober 2020.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2019		2020			2019		2020		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan dlm. tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	**19.1**	**27.0**	**25.5**	**21.5**	**42.4**	**4.8**	**4.7**	**4.7**	**3.7**	**4.6**
Terkumpul:										
Pinjaman[1,2]	18.9	25.4	13.1	19.5	30.4	3.5	3.5	3.8	4.1	4.7
Perusahaan perniagaan	2.6	9.4	8.3	5.4	−3.7	1.6	2.4	3.4	3.9	2.9
PKS[3]	−7.2	−21.0	2.4	10.8	12.5	−6.6	−13.1	−11.9	−4.9	1.6
Bukan PKS	9.7	30.4	5.9	−5.4	−16.2	9.4	16.9	17.6	11.4	4.0
Isi rumah	13.1	15.9	0.5	11.4	33.9	4.6	4.7	3.8	3.7	5.6
Bon korporat[4]	0.2	1.6	12.5	2.0	12.0	9.0	8.0	7.6	2.5	4.3

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan. Antara Januari 2018 hingga Disember 2019, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Daripada jumlah tersebut, RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.

[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: Penunjuk Pinjaman

	2019		2020			2019		2020		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	229.5	225.6	197.1	168.1	233.7	−1.9	11.1	1.4	−26.5	1.8
Kelulusan pinjaman[1]	106.4	103.3	86.9	66.6	97.6	0.5	−1.5	−4.4	−39.3	−8.2
Pengeluaran pinjaman[2]	317.8	334.8	317.4	262.7	305.8	−0.1	−2.8	0.8	−16.1	−3.8
Bayaran balik pinjaman[2]	314.9	324.0	319.8	255.3	285.2	1.0	−3.8	−0.2	−19.2	−9.4
Terdiri daripada:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	106.1	106.4	92.4	96.5	82.9	3.6	20.1	9.6	−7.6	−21.9
Kelulusan pinjaman	48.6	49.7	41.4	41.8	38.0	−0.9	−4.4	0.8	−20.2	−21.9
Pengeluaran pinjaman	224.2	236.6	227.8	205.3	206.7	−1.7	−5.9	2.3	−7.4	−7.8
Bayaran balik pinjaman	224.2	231.1	220.2	200.8	209.1	−0.6	−6.9	−3.3	−10.8	−6.7
PKS[4]										
Permohonan pinjaman	51.8	51.0	47.5	47.7	42.1	8.8	16.7	8.1	−2.0	−18.8
Kelulusan pinjaman	17.4	17.9	14.1	15.0	15.0	−3.3	9.2	−8.4	−10.3	−13.6
Pengeluaran pinjaman	72.8	71.0	63.5	56.3	63.7	−6.1	−12.4	−16.2	−26.2	−12.5
Bayaran balik pinjaman	74.7	74.5	65.8	51.1	55.3	−2.4	−6.3	−14.3	−33.1	−26.1
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	54.3	55.4	45.0	48.8	40.9	−0.9	23.4	11.2	−12.5	−24.8
Kelulusan pinjaman	31.2	31.8	27.3	26.9	22.9	0.5	−10.6	6.3	−24.8	−26.5
Pengeluaran pinjaman	151.5	165.6	164.3	149.0	143.0	0.7	−2.8	11.9	2.5	−5.6
Bayaran balik pinjaman	149.5	156.6	154.3	149.7	153.8	0.3	−7.1	2.3	0.7	2.9
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	123.4	119.2	104.6	71.5	150.8	−6.1	4.2	−4.9	−42.4	22.1
Kelulusan pinjaman	57.8	53.6	45.5	24.8	59.7	1.8	1.3	−8.6	−56.8	3.2
Pengeluaran pinjaman	93.6	98.2	89.6	57.3	99.1	3.9	5.7	−3.0	−37.4	5.9
Bayaran balik pinjaman	90.7	92.9	99.6	54.5	76.1	5.0	4.9	7.4	−40.0	−16.0

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.

[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.

[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.

[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2019		2020		
	S3	S4	S1	S2	S3*a*
Pulangan atas ekuiti (%)	12.9	13.0	10.4	10.0	10.1
Pulangan atas aset (%)	1.5	1.5	1.2	1.2	1.2
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	12,701	13,113	12,696	10,064	13,512
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,670	3,233	2,583	2,308	2,851
Tolak: Kos operasi[1]	8,626	9,146	8,607	8,189	8,428
Keuntungan operasi kasar	6,745	7,200	6,672	4,182	7,935
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	820	38	2,765	2,368	2,826
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,925	7,163	3,906	1,814	5,108
Campur: Pendapatan lain	4,302	3,694	4,643	6,238	3,675
Untung sebelum cukai	10,227	10,856	8,550	8,052	8,783
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)	0.2	0.3	−1.1	−3.0	−2.9
Pulangan atas aset (mata peratusan)	0.04	0.06	−0.12	−0.32	−0.30
Pendapatan faedah bersih	1.7	2.6	2.1	−16.2	6.4
Campur: Pendapatan berasaskan fi	7.9	29.4	1.3	−11.9	6.8
Tolak: Kos operasi[1]	10.3	9.8	2.7	−2.8	−2.3
Keuntungan operasi kasar	−5.5	3.5	1.1	−32.6	17.6
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	18.5	−94.9	1,584.8	634.9	244.7
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	−8.1	15.2	−39.3	−69.2	−13.8
Campur: Pendapatan lain	92.0	9.7	82.2	13.3	−14.6
Untung sebelum cukai	17.7	13.3	−4.8	−29.3	−14.1

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed
[2] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Malaysian Financial Reporting Standard 9 (MFRS 9)

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2019		2020		
	S3	S4	S1	S2	S3*a*
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,795	3,859	−11,617	16,360	8,022
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	785	730	545	1,154	763
Nisbah tuntutan (%)	59	59	59	52	56
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	−50.1	481.9	−235.7	105.9	111.4
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	−35.0	53.2	−23.8	70.4	−2.8
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	1.1	0.7	2.5	−9.5	−3.4

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2019		2020*a*		
	S3	S4	S1	S2	S3*a*
	RM bilion				
Hasil	68.8	69.9	45.3	56.4	46.4
Pertumbuhan tahunan (%)	*16.7*	*4.0*	*−28.8*	*−9.1*	*−32.5*
Perbelanjaan mengurus	68.8	69.8	62.5	64.6	60.0
Pertumbuhan tahunan (%)	*25.0*	*20.1*	*5.2*	*−1.1*	*−12.9*
Akaun semasa	−0.03	0.1	−17.2	−8.2	−13.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	9.6	19.6	10.9	16.4	14.1
Pertumbuhan tahunan (%)	*27.7*	*−30.1*	*−3.6*	*35.7*	*47.4*
Imbangan keseluruhan	−9.6	−19.5	−28.2	−24.6	−27.7
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	78.4	89.4	73.5	81.0	74.1
Pertumbuhan tahunan (%)	*25.3*	*3.8*	*3.8*	*4.7*	*−5.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	804.8	793.0	823.8	854.1	874.3
Hutang dalam negeri	608.2	585.3	631.3	649.2	659.0
Hutang luar negeri	196.6	207.7	192.5	204.8	215.3
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	172.1	183.7	167.2	179.8	190.9
Peminjaman luar pesisir	24.5	24.0	25.2	25.1	24.4

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Perbelanjaan daripada Kumpulan Wang COVID-19 masih termasuk di bawah perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia